

TATACARA OPERASI STANDARD PENGOPERASIAN MAHKAMAH DI SELURUH MALAYSIA SELARAS DENGAN FASA PERALIHAN KE ENDEMIK

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan pengumuman berhubung dengan kelonggaran Prosedur Operasi Standard (“SOP”) Covid-19 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (“KKM”) yang berkuat kuasa mulai 1 Mei 2022, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) mengeluarkan Tatacara Operasi Standard Pengoperasian Mahkamah Di Seluruh Malaysia Selaras Dengan Fasa Peralihan Ke Endemik.

2. TARIKH KUAT KUASA

SOP ini mula berkuat kuasa pada **15 Jun 2022**.

3. PEMAKAIAN

3.1 SOP ini terpakai kepada warga Mahkamah dan mana-mana orang yang hadir dan berurusan di semua peringkat Mahkamah di seluruh Malaysia.

3.2 SOP ini menggantikan –

- (a) Tatacara Operasi Standard (SOP) Pencegahan Wabak Covid-19 Bagi YA Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman Di Seluruh Malaysia;
 - (b) Tatacara Operasi Standard Pencegahan Wabak COVID-19 Di Mahkamah Seluruh Malaysia Bagi Pengguna Mahkamah; dan
 - (c) Tatacara Operasi Standard Pencegahan Wabak COVID-19 Di Mahkamah Seluruh Malaysia,
- yang masing-masing berkuat kuasa mulai 27 Januari 2021.

4. KEHADIRAN KE PREMIS MAHKAMAH

4.1 Warga Mahkamah dan mana-mana orang yang hadir dan berurusan di Mahkamah—

(a) dibenarkan memasuki premis Mahkamah tanpa mengira status vaksinasi;

(b) tidak lagi perlu membuat pendaftaran masuk (*check-in*) melalui aplikasi MySejahtera; dan

(c) hendaklah sentiasa memakai pelitup muka (*face mask*) dalam keadaan yang berikut:

(i) berada dalam bangunan Mahkamah;

(ii) berada di bahagian terbuka yang sesak dalam premis Mahkamah; dan

(iii) merupakan individu yang bergejala dan berisiko tinggi.

4.2 Mana-mana orang yang berstatus MySejahtera “Berisiko Tinggi” atau sedang menjalani Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Di Rumah Kediaman (“HSO”) adalah tidak dibenarkan memasuki premis Mahkamah.

4.3 Pegawai Mahkamah yang ditugaskan oleh Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan / Pengarah Mahkamah Negeri boleh melakukan pemeriksaan ke atas aplikasi MySejahtera secara rawak ke atas semua warga Mahkamah dan mana-mana orang yang hadir dan berurusan di Mahkamah.

4.4 Sekiranya terdapat keperluan, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan / Pengarah Mahkamah Negeri boleh menetapkan had jumlah orang yang berurusan di kaunter Mahkamah atau di mana-mana premis di Mahkamah.

5. PEMATUHAN ARAHAN

Selain tatacara yang dinyatakan dalam SOP ini, semua warga Mahkamah dan mana-mana orang yang hadir dan berurusan di Mahkamah hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara serta Kementerian Kesihatan Malaysia dalam tempoh peralihan fasa ke endemik.

6. PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI

Mahkamah	Nama Pegawai	E-Mel / Nombor Telefon
Mahkamah Persekutuan	Puan Wan Fatimah Zaharah binti Wan Yussof	fatimah@kehakiman.gov.my 017-375 8923
Mahkamah Rayuan	Puan Jumirah binti Marjuki	jumirah@kehakiman.gov.my 019-730 2253
Mahkamah Tinggi Malaya	Puan Zaharah binti Hussain	zaharah@kehakiman.gov.my 012-401 1100
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak	Tuan Nixon Kennedy Kumbong	nixon@kehakiman.gov.my 013-804 2607
Mahkamah Rendah Malaya	Tuan Azhaniz Teh bin Azman Teh	azhaniz@kehakiman.gov.my 019-218 4105
Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak	Puan Egusra binti Ali	egusra@kehakiman.gov.my 016-893 1397

PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN

15 JUN 2022